

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (LOKAL)

TARIKH: 14 DISEMBER 2019

MUKA SURAT: 33

Kuala Terengganu: Keindahan pantai peranginan Batu Burok di sini, tercemar berikutan timbunan kayu dan ranting serta sampah sarap yang dihanyutkan arus deras sejak pertengahan bulan lalu.

Keadaan pantai yang menjadi tumpuan orang ramai terutama pada hujung minggu dan setiap petang itu jika terus dibiarkan boleh membawa imej tidak baik pada sektor pelancongan negeri.

Masalah longgokan timbunan kayu dan ranting serta sampah sarap hanyut di sepanjang pantai sejauh kira-kira dua kilometer di pantai berkenaan seolah-olah tiada penghujungnya.

Walaupun sampah hanyut itu mencemari keindahan pantai Batu Burok itu berlaku sejak pertenga-

Pantai Batu Burok tercemar



HAMPARAN sampah yang membuatkan mata sakit memandang.

han bulan lalu, namun tiada usaha dilakukan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk melakukan kerja pembersihan.

Selain dicemari dengan timbunan kayu dan ranting serta botol minuman, pemandangan pantai itu agak menjelikkan apabila se-

buah pondok yang dibina menggunakan atap nipah runtuh dan dibiarkan berselerak tanpa sebarang tindakan oleh PBT.

Tinjauan mendapati keadaan pantai yang menjadi tumpuan utama pengunjung termasuk pelancong dari dalam dan luar negara

itu amat menjelikkan pemandangan.

Seorang pengunjung, Farisha Mahashim, 19, dari Kampung Panji, Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan yang pertama kali mengunjungi pantai berkenaan terkejut apabila melihat sendiri pantai berkenaan

dipenuhi dengan longgokan kayu hanyut.

Dia yang juga penuntut di Institut Pendidikan Guru (IPG) di Kedah berkata, kerajaan negeri dan PBT tidak sepatutnya membiarkan keindahan pantai yang menghadap Laut China Selatan itu dipenuhi dengan longgokan kayu dan sampah hanyut.

"Walaupun kayu pelbagai saiz dan ranting serta dahan kayu itu dihanyutkan arus, tetapi PBT sepatutnya melakukan pembersihan secara berkala.

"PBT tidak seharusnya menunggu sehingga musim tengkujuh berakhir untuk melakukan kerja pembersihan terutamanya mengangkut batang dan dahan kayu yang menjadi punca utama menyebabkan pantai tercemar," katanya ketika ditemui.